

**PAS Setuju Letak Calon Bukan Islam Di Johor Dan Sarawak, Kata Pengerusi DHPP Bernama**  
**17 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- PAS bersetuju meletakkan calon dari kalangan bukan Islam mewakili parti itu bertanding di Sarawak dan Johor pada pilihan raya umum ke-13.

Pengerusi Dewan Himpunan Penyokong PAS Hu Pang Chaw berkata dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Tiram, Johor, dan satu kerusi Parlimen di Sarawak.

"Perkara ini sudah dipersetujui PAS pusat. DHPP memang meminta PAS pusat meletakkan calon dari sayap DHPP di satu kerusi setiap negeri, tidak kira sama ada kerusi Parlimen ataupun DUN.

"Tetapi perkara ini masih dalam peringkat perbincangan. Keputusan akhir bergantung kepada PAS pusat," katanya kepada Bernama di sini, pada Khamis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666766>